

15 FEB 2001

PENGKRITIK DR MAHATHIR DIMINTA KAJI PENDAPAT MORGAN STANLEY

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Pengkritik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diminta meneliti pendapat seorang pakar perkhidmatan kewangan antarabangsa mengenai perdana menteri dan negara ini.

"Walaupun Dr Mahathir kadangkala terlibat dalam retorika yang selalunya memang wajar untuk membangkitkan perkara-perkara yang pihak lain takut berbuat demikian, beliau telah meletakkan Malaysia di persada negara-negara membangun," kata naib presiden Gerakan Datuk Dr S.Vijayaratnam.

Beliau merujuk kepada kenyataan Michael Dee, ketua pegawai eksekutif baru bagi pejabat di Singapura firma Morgan Stanley Dean Witter, sebuah syarikat antarabangsa yang menyediakan perkhidmatan kewangan global.

Sambil menyifatkan Malaysia sebagai negara yang paling disalah anggap oleh pelabur antarabangsa, Dee berkata kawalan modal yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir semasa krisis ekonomi Asia telah berjaya membawa manfaat kepada Malaysia.

Dee, yang dilantik bulan lepas, juga memberi pujian kepada Bank Negara Malaysia di bawah gabenornya Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang ditubuhkan untuk memulihkan ekonomi Malaysia ekoran krisis itu.

Vijayaratnam berkata bahawa untuk menterjemah sentimen Dee itu, orang ramai perlu melihat pencapaian negara di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ES ES MAI